

04 MAY 2002

Mahathir-Melayu

DR MAHATHIR KECEWA 94% PENGANGGUR LULUSAN UNIVERSITI ANAK MELAYU

SHAH ALAM, 4 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyatakan rasa kesalnya kerana 94 peratus daripada lulusan institusi pengajian tinggi yang menganggur, adalah dari kalangan anak Melayu.

Beliau berkata itu adalah sesuatu yang menghairankan dan kerajaan ingin tahu puncanya.

"Daripada jumlah yang menganggur, 94 peratus terdiri daripada Melayu, saya hairan (mereka) ini di kalangan lulusan IPT...kenapa, kita nak tahu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan perhimpunan Hari Pekerja 2002 di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas ucapan beliau sebelum itu yang menyebut perkara berkenaan.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata kerajaan mengenalpasti kebanyakan mereka ini adalah lulusan dalam bidang yang tidak mempunyai kaitan yang banyak dengan pekerjaan seperti sastera dan agama.

Beliau berkata mereka ini tidak boleh menyalahkan kerajaan kerana pemilihan kursus di IPT dibuat oleh pelajar sendiri.

Sekarang ini nampaknya mereka tidak ada peluang kerja jadi ada di antara mereka menjadi marah dan bila marah ada yang masuk parti lawan, katanya.

Ketika ditanya langkah yang diambil kerajaan untuk membantu golongan penganggur ini, Perdana Menteri berkata setakat ini kerajaan membelanjakan kira-kira RM300 juta untuk memberi latihan kepada lulusan IPT yang gagal mendapat kerja dan ditempatkan di jabatan-jabatan kerajaan selama enam bulan untuk mendapatkan pengalaman.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata walaupun jurusan sastera dan agama penting, peluang pekerjaan bagi lulusan kedua-dua kursus berkenaan adalah terhad kepada bidang perguruan.

"Walaupun dalam kerajaan jumlah guru adalah terbesar iaitu lebih 300,000 daripada jumlah kakitangan kerajaan seramai satu juta, namun jawatan-jawatan ini sudah dipenuhi dan kekosongan setiap tahun adalah kurang daripada jumlah lulusan sastera dan agama," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan tidak boleh mengadakan peluang pekerjaan semata-mata kerana ramai yang lulus dalam bidang yang tidak penting.

"Tahun ini kita akan menerima masuk ramai penuntut ke IPTA dan IPTS. Saya harap ramai yang akan pilih jurusan sains dan teknologi dan juga berbagai-bagai kemahiran yang boleh menjamin peluang kerja kemudian," katanya.

Perdana Menteri berkata masalah penguasaan bahasa Inggeris yang lemah juga menyebabkan ramai orang Melayu gagal mendapatkan pekerjaan.

"Pencinta bahasa kebangsaan mungkin marah dengan perkara ini tetapi jenis pekerjaan yang diwujudkan oleh industri tertentu terutama yang dimiliki oleh orang asing memerlukan kefasihan bahasa Inggeris.

"Mempelajari bahasa Inggeris bukan bermakna menolak bahasa sendiri. Di zaman ini penguasaan satu bahasa sahaja tidak mencukupi. Tiap orang mesti menguasai dua bahasa sekurang-kurangnya," katanya.

Beliau berkata tanpa penguasaan bahasa Inggeris nilai seseorang itu di pasaran pekerjaan adalah rendah dan dengan jumlah kekosongan pekerjaan yang tidak banyak, golongan itu lebih berkemungkinan untuk menganggur.

-- BERNAMA

NM NJ RON